

13 AUG 2002

MALAYSIA-SINGAPURA/I

PERBINCANGAN MEJA BULAT MALAYSIA-SINGAPURA UTK KUKUHKAN HUBUNGAN DUA HALA

KUALA LUMPUR, 13 Ogos (Bernama) -- Satu perbincangan Meja Bulat Malaysia-Singapura, inisiatif sektor swasta untuk mengukuhkan hubungan dua hala antara kedua-dua negara jiran itu, akan diadakan di sini bermula esok.

Rombongan pegawai-pegawai tertinggi dari Singapura akan berada di Kuala Lumpur selama tiga hari bagi mengadakan perbincangan tertutup serta melakukan kunjungan hormat dan lawatan.

Rombongan itu terdiri daripada 30 ketua-ketua perniagaan dan CEO diketuai oleh Profesor Tommy Koh, pengarah institut bagi kajian dasar Singapura dan Dr Jannie Tay, pengerusi Forum Perniagaan Asean dan pengarah urusan peruncit serantau, kumpulan The Hour Glass.

Menteri alam sekitar Singapura, Lim Swee Say dan timbalan speaker Parlimen Singapura, Mrs Lim Hwee Hwa yang juga pengarah urusan Temasek Holdings, turut menyertai rombongan tersebut.

Dalam satu kenyataan yang dikeluarkan hari ini, Datuk Dr Michael Yeoh, pengarah eksekutif bersama meja bulat itu berkata mesyuarat itu diadakan bertujuan untuk menjalin kepercayaan dan keyakinan bersama yang lebih erat.

"Ia akan menjadi satu langkah membina keyakinan yang penting bagi merapatkan hubungan sektor swasta dan tokoh-tokoh peneraju pandangan dan pendapat kedua-dua negara," katanya.

Beliau berharap perbincangan meja bulat ini akan dapat meningkatkan lagi kepekaan terhadap antara satu sama lain yang mungkin boleh membawa kepada perkongsian strategik baru berasaskan kepada minat yang sama dan berkongsi nilai.

Tan Sri Azman Hashim, pengerusi kumpulan AmBank, menjadi pengerusi bersama Meja Bulat itu manakala Mirzan Mahathir, pengerusi Institut Strategik dan Kepimpinan Asia (ASLI) dan Konsortium Logistik, pula bertindak sebagai penasihat.

Rombongan dari Singapura itu dijadualkan menemui Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada petang esok.

Rombongan itu juga akan menghadiri taklimat yang diberikan oleh pengarah eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN), Datuk Mustapa Mohamed, pada keesokan harinya.

Ia kemudiannya diikuti kunjungan hormat ke atas Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz pada 16 Ogos.

Perbincangan meja bulat tertutup pada Jumaat akan membincangkan mengenai bagaimana untuk mengembangkan hubungan dua hala serta peranan media dan generasi muda.

Kira-kira 30 CEO, ketua-ketua perniagaan, Anggota Parlimen dan tokoh intelektual Malaysia akan menyertai perbincangan meja bulat dengan rakan sejawat mereka dari Singapura. -- BERNAMA

LES KTC ZK